



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Miri, 10 Ogos 2024

MAGGI® RAIKAN WARISAN & JIWA SARAWAK & SABAH: PERINGKAT AKHIR “JOM MASAK & MENANG BERSAMA” KETENGAH CITARASA TEMPATAN DAN IKRAR SOKONGAN AMAL

Tradisi Sarawak Diketengah, MAGGI® Memberi Penghormatan kepada Tukang Masak Tempatan dan Memperkasakan Komuniti Orang Asli

MIRI, 10 OGOS 2024 - Babak meriah perayaan kini melabuhkan tirai dan MAGGI® memberi penghormatan kepada tukang masak tempatan yang meneruskan tradisi dalam pesta menuai tahun ini melalui pertandingan 'Jom Masak & Menang Bersama', yang berakhir pada 10 Ogos 2024. Dalam memupuk semangat kebersamaan, MAGGI® juga menyampaikan penghargaan kepada komuniti Sarawak yang telah menunjukkan sokongan padu kepada jenama ini dengan menyediakan hadiah menarik kepada para pengguna semasa pesta menuai.

Pemenang pertandingan, Allen Lee Meng Hieng, 46, Wakil Jualan dari Sibu, ditemani isterinya, Ting Fei Fei, teruja dapat membawa pulang ISUZU D-MAX baharu selepas bertarung dalam persaingan memasak yang sengit dengan menggunakan *Terung Asam* sebagai wira dalam masakan mereka. Tikis lagi finalis turut membawa pulang perkakas rumah berjenama bernilai RM2,000 setiap seorang.

Untuk meraikan rasa cinta rakyat Malaysia terhadap makanan dan tradisi, acara kemuncak ini turut dimeriahkan dengan demonstrasi masakan oleh Chef Hakimi yang mempersembahkan hidangan istimewa tempatan, iaitu '*Nasi Goreng Pucuk Daun Ubi*' menggunakan MAGGI® CukupRasa. Resepi ini adalah salah satu resepi istimewa yang dihasilkan sewaktu kempen berlangsung bagi menghargai usaha gigih tukang masak yang menyajikan setiap makanan umpama sajian hebat setiap hari serta menjadi inspirasi kepada rakyat Sarawak untuk mencipta semula resepi kegemaran turun temurun mereka, kini semakin mudah dengan produk MAGGI®.

Tuan Matthew Anak Dominic Barin, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Sarawak, yang turut hadir memeriahkan acara akhir, berkata, "*Setiap tahun MAGGI menyambut Hari Gawai bersama kami. Sebagai teman lama rakyat Sarawak dan Sabah sepanjang beberapa dekad ini, MAGGI telah menyumbang kepada komuniti Orang Asli tempatan melalui sokongan amal tahunan dalam membantu mereka menjadi komuniti yang mandiri. Kami berharap dapat terus bekerjasama dengan MAGGI dalam menyokong dan memajukan budaya dan tradisi negeri Sarawak untuk generasi akan datang.*"

Turut serta dalam kemeriahan acara akhir yang dibanjiri orang ramai termasuklah Cik Ivy Tan Link Cheh, Pegawai Eksekutif Perniagaan MAGGI®, Malaysia dan Singapura. "*Kami berterima kasih atas peluang untuk bekerjasama dengan Helping Hands Penan Berhad tahun ini untuk mempamerkan kemahiran penenun bakul tradisional kami dan hasil seni buatan mereka, di samping membantu usaha mereka bagi memperkasa mata pencarian para petani. Saya amat berbesar hati dengan kegigihan rakyat Sarawak, dan kami berharap untuk terus menyumbang kepada komuniti*

Orang Asli dengan menyediakan lebih banyak peluang dan mencipta masa depan yang lebih cerah untuk mereka.”

Di samping memberikan penghargaan kepada tukang masak tempatan dan warisan budaya mereka yang kaya, MAGGI® berbangga untuk terus memberikan sokongan kepada komuniti Orang Asli dan wanita melalui sumbangan tahunannya kepada badan amal tempatan terpilih.

Bagi setiap penyertaan peraduan yang diterima antara 1 Mei hingga 30 Jun 2024, MAGGI® mendermakan RM0.10 kepada PACOS Trust Sabah dan Helping Hands Penan Berhad, dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berdedikasi untuk memperkasakan komuniti Orang Asli dan wanita dengan meningkatkan mata pencarian mereka di Sarawak.

Tahun ini, MAGGI® berbangga kerana berjaya mengumpulkan RM15,000 untuk menyumbang kepada usaha murni PACOS Helping Hands Penan Berhad.

Acara kemuncak MAGGI® ‘Jom Masak & Menang’ yang berlangsung di Pusat Beli-Belah Emart Riam telah disertai oleh ribuan penonton yang terdiri daripada ahli keluarga rakyat Sarawak, yang bersorak dengan penuh semangat ketika pertandingan memasak berlangsung dan sewaktu penobatan juara. Sambutan hebat ini turut diserikan dengan tarian dan muzik tradisional, dan juga gerai-gerai yang penuh kemeriahan di mana pengunjung berpeluang menerokai Sejarah Sos Cili MAGGI yang kaya dengan pelbagai maklumat dan juga mempelajari tentang 12 jenis rempah ratus unik yang menjadikan Mi Kari 2-Minit MAGGI kegemaran rakyat Malaysia.

Menjangkau pertandingan dan perayaan, MAGGI® berharap untuk terus menjadi teman setia rakyat Sarawak di dapur mereka dan dalam detik-detik berharga dalam hidup mereka. Melalui resipi unik yang diilhamkan hidangan kegemaran mereka, MAGGI® berharap dapat memelihara semangat Gawai Dayak dengan produk MAGGI® yang digemari rakyat Sarawak serta menjadi rakan sekutu kepada tukang masak keluarga dalam menyajikan hidangan yang lazat dan berkhasiat.

###

Tentang MAGGI®

MAGGI® adalah jenama global yang diiktiraf dan telah menjadi nama unggul di Malaysia. Misi utamanya adalah untuk mencipta makanan yang baik dan membawa keluarga lebih dekat bersama. Melalui pelbagai produk dan penyelesaian makanan, MAGGI® membantu ibu-ibu untuk menyediakan hidangan buatan sendiri yang lazat dan seimbang untuk keluarga setiap hari. Jenama ini juga komited kepada keperluan yang sentiasa penyediaan makanan, disamping menyediakan produk dan idea baharu yang menarik dan memberi inspirasi kepada keluarga Malaysia tentang kebaikan buatan sendiri. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.maggi.my atau halaman Facebook di <http://www.facebook.com/MaggiMalaysia>.

Tentang Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Nestlé, sila layari <https://www.nestle.com.my/ask-nestle/kami-nestle>.

Untuk maklumat lanjut, sila menghubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6456
Mobile: +6012 235 6865
E-mail: Shaheen.Mohamedzaffar@my.nestle.com

Ooi See Bee

East Malaysia MAGGI® PR

Tel: -
Mobile: +6012 389 2686
E-mail: oseebeerockwills@gmail.com